

# Pesawat laut mampu lonjak Johor



PERSPEKTIF

MOHAMED ISMAIL PAKIR  
MOHAMED

**B**aru-baru ini terdapat video tular di media sosial yang menyatakan bahawa Johor membosankan dan kurang destinasi pelancongan menarik untuk dikunjungi.

Hal ini dinafikan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi, yang mana beliau menyatakan Johor sebenarnya mempunyai pelbagai khazanah dan pusat pelancongan yang berpotensi baik yang boleh dibanggakan.

Pelbagai tarikan pelancong seperti taman negara, taman tema, muzium, galeri dan tapak ekopelancongan telah lama wujud di negeri berkenaan.

Juga boleh dibanggakan ialah gugusan pulau tropika yang bertaburan di Laut China Selatan dalam daerah Mersing, Johor. Setiap pulau ini mempunyai daya tarikan tersendiri, menawarkan pengalaman yang unik kepada pelancong yang sukakan cabaran dan juga yang ingin bersantai serta mencari ketenang-

an daripada tekanan kota raya yang sibuk.

Keindahan semula jadi pulau-pulau di negeri Johor ini setanding dengan pulau-pulau di Maldives.

Namun kedudukannya yang jauh dari Johor Bahru dan juga Singapura menjadi penghalang kepada pelancong yang biasanya mempunyai masa yang singkat untuk bercuti di kepulauan ini.

Perjalanan darat dari Johor Bahru ke jeti Mersing atau Jeti Tanjung Leman biasanya mengambil masa lebih kurang dua jam 30 minit.

Untuk ke pulau, dari jeti-jeti di daerah Mersing pula pengunjung perlu menggunakan perkhidmatan bot laju atau feri dan perjalanan boleh mengambil masa kira-kira 30 minit sehingga dua ke lima jam bergantung kepada destinasi pulau yang dipilih dan keadaan laut.

Namun cuba bayangkan terdapat satu perkhidmatan perjalanan pelancongan untuk pergi bercuti ke pulau-pulau di Johor ini yang bebas stres, tanpa perlu mengharungi perjalanan darat dan feri yang berjam-jam.

Sudah tentu industri pelancongan Johor menjadi semakin rancak, yang mana pelancong dalam negeri dan juga luar negara terutamanya dari Singapura akan berebut-rebut menggunakan per-

khidmatan ini.

Perkhidmatan perjalanan bebas stres ini dijangka hanya akan mengambil lebih kurang satu jam 30 minit untuk sampai ke destinasi pulau-pulau ini.

Perkhidmatan yang dimaksudkan adalah penerbangan menggunakan pesawat laut atau *seaplane*.

Perkhidmatan ini boleh berpangkalan di Danga Bay, Johor Bahru, yang mana penumpang boleh berlepas dari jeti khas menaiki pesawat laut yang meluncur di Selat Tebrau menuju ke pulau-pulau tropika Johor yang bertaburan di Laut China Selatan.

Semasa di udara pada mulanya anda akan dapat melihat hutan konkrit bandar raya Johor Bahru yang sentiasa sibuk dan pada akhir perjalanan, anda akan disajikan dengan pemandangan panorama pulau-pulau yang subur kehijauan di perairan Laut China Selatan yang air lautnya berkilauan membiru.

Dengan adanya perkhidmatan pesawat laut ini, dengan masa yang singkat pelancong boleh sampai ke pulau-pulau seperti Pulau Rawa, Pulau Tengah, Pulau Dayang dan Pulau Aur yang sesuai untuk aktiviti snorkling dan menyelam skuba.

Pulau-pulau ini mempunyai perairan yang jernih dan terumbu karang yang kaya dengan kehidupan laut seperti pe-

nyu dan pelbagai jenis ikan.

Kepada yang berminat untuk merentas hutan tropika, Pulau Tinggi, Pulau Sibul dan Pulau Besar mempunyai hutan tebal yang menyimpan banyak rahsia alam seperti flora dan fauna tropika. Pulau Tinggi pula mempunyai air terjun yang tersembunyi di tengah-tengah hutan.

Perkhidmatan pesawat laut ini adalah satu konsep perjalanan inovatif yang boleh merevolusikan industri pelancongan di kepulauan tropika Johor.

Diiilhamkan oleh perkhidmatan pesawat laut ikonik Maldives, perkhidmatan ini menyediakan kaedah yang unik dan efisien untuk sampai ke destinasi pulau.

Perkhidmatan pesawat laut mampu melonjakkan Johor sebagai pilihan utama pelancong tempatan serta pelancong antarabangsa dan ia adalah satu strategi yang perlu dilaksanakan sekarang demi kejayaan industri pelancongan negeri berkenaan.

*\* Mohamed Ismail Pakir Mohamed ialah Pensyarah Kanan dan Ketua Focus Group Manufacturing Technology Management, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*